



**POLISI ETIKA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL  
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**


Disediakan Oleh	:	Tandatangan
Mohamad Khairulnuar Bin Esa, Pengarah Integriti & Pemodenan Pentadbiran, Unit Integriti & Pemodenan Pentadbiran,		 <b>MOHAMAD KHAIRULNUAR BIN ESA</b> Pengarah Integriti & Pemodenan Pentadbiran (M40) Unit Integriti & Pemodenan Pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru
Diluluskan Oleh	:	Tandatangan
Y.Bhg. Dato' Haji Noorazam Bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Johor Bahru.		 DATO' HAJI MOHD. NOORAZAM BIN DATO' HAJI OSMAN DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
Tarikh Kemaskini	:	<b>9 APR 2023</b>




# **POLISI ETIKA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

**Unit Integriti & Pemodenan Pentadbiran**


Disediakan oleh:

Nama	Jawatan	T.Tangan	Tarikh	Status
Hazlina binti Yacob	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N19		05.04.2023	Penyedia

Disemak oleh:

Nama	Jawatan	T.Tangan	Tarikh	Status
Norazirazila binti Ramli	Penolong Pengarah Integriti & Pemodenan Pentadbiran		05/04/2023	Penyemak

Disahkan oleh:

Nama	Jawatan	T.Tangan	Tarikh	Status
Mohamad Khairulanuar bin Esa	Pengarah Integriti & Pemodenan Pentadbiran		6/2/2023	Pengesah

**POLISI**

**POLISI ETIKA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL  
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

**Pindaan : 2**

**Muka surat : 2 of 14**

**KANDUNGAN**

<b>SEKSYEN</b>	<b>TAJUK SEKSYEN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>A</b>	<b>TUJUAN POLISI</b>	<b>3</b>
<b>B</b>	<b>TAFSIRAN</b>	<b>3 – 4</b>
<b>C</b>	<b>PERATURAN</b>	<b>4 – 7</b>
<b>D</b>	<b>PANDUAN</b>	<b>7 – 9</b>
<b>E</b>	<b>TANGGUNGJAWAB WARGA KERJA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU</b>	<b>9 – 11</b>
<b>F</b>	<b>TANGGUNGJAWAB WEBMASTER DAN UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM</b>	<b>11 – 13</b>
<b>G</b>	<b>TARIKH KUATKUASA</b>	<b>13</b>
<b>H</b>	<b>PENUTUP</b>	<b>14</b>
<b>I</b>	<b>RUJUKAN</b>	<b>14</b>

<b>POLISI</b>	
<b>POLISI ETIKA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU</b>	
<b>Pindaan : 2</b>	<b>Muka surat : 3 of 14</b>

**POLISI ETIKA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL  
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

**A. TUJUAN**

Polisi ini bertujuan untuk menerangkan tatacara, peraturan dan kawalan penggunaan media sosial yang perlu dipatuhi oleh warga kerja MBBJ supaya :

1. Penyebaran dan perkongsian maklumat adalah terkawal ;
2. Penggunaan media sosial dan kandungan yang dipaparkan tidak akan menjejaskan kepentingan perkhidmatan awam dan kedaulatan negara ;
3. Mengelakkan isu salah laku dan penyebaran maklumat tidak beretika di media sosial ;
4. Memastikan maklumat yang disampaikan adalah jelas dan tepat ; dan
5. Menampilkan imej korporat MBBJ.

**B. TAFSIRAN**

Berdasarkan polisi ini, tafsiran yang diguna pakai adalah seperti berikut :

1. Media sosial merujuk kepada kemudahan aplikasi komunikasi atau laman sesawang menggunakan capaian Internet yang dicipta untuk membolehkan penyampaian / perkongsian maklumat yang mudah secara bebas dengan gabungan kandungan media yang terdiri daripada teks, gambar, video dan audio serta siaran langsung (live) di antara pengguna, penyelia kandungan dan mana-mana pihak lain secara atas

<b>POLISI</b>		
<b>POLISI ETIKA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU</b>		
<b>Nombor Dokumen:</b>	<b>Pindaan : 2</b>	<b>Muka surat : 4 of 14</b>

talian. Penggunaan media sosial tidak terhad bagi penggunaan di komputer, telefon pintar tetapi merangkumi mana-mana peranti yang terdapat di pasaran dari semasa ke semasa.

2. Media sosial yang terdiri daripada Facebook, Twitter, Tiktok, Youtube, Blog, Google+, Instagram, Telegram, Whatsapp dan lain-lain.
3. Media Sosial MBBJ terdiri daripada media sosial yang diwujudkan untuk kegunaan rasmi.

### **C. PERATURAN**

Peraturan yang diguna pakai bagi warga kerja MBBJ adalah merangkumi:

1. Dilarang mendedahkan maklumat sulit mengenai MBBJ, maklumat peribadi warga kerja MBBJ atau pihak-pihak yang bekerjasama dengan MBBJ.
2. Berwaspada dengan hakcipta dan harta intelek pihak lain dan pihak MBBJ.
3. Penggunaan logo MBBJ hanya dibenarkan kepada laman media sosial, blog atau saluran rasmi milik MBBJ serta acara atau maklumat rasmi MBBJ sahaja.
4. Dilarang melayari, memuat naik, memuat turun, menyimpan, bersiaran langsung (live), berkongsi (share) maklumat, pautan, gambar, video atau bahan-bahan yang berunsur negatif termasuk yang berunsur lucah,

<b>POLISI</b>	
<b>POLISI ETIKA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU</b>	
<b>Pindaan : 2</b>	<b>Muka surat : 5 of 14</b>

perkauman, hasutan, jelek, ganas atau penghinaan di laman media sosial rasmi MBBJ ataupun di laman media sosial peribadi warga kerja MBBJ.

5. Dilarang melayari, memuat naik, memuat turun, menyimpan, bersiaran langsung (live), berkongsi (share) kandungan yang berunsur jenayah / aktiviti jenayah seperti penyebaran bahan yang membabitkan perjudian, senjata, aktiviti pengganas dan lain-lain yang berkaitan di laman media sosial rasmi MBBJ ataupun di laman media sosial peribadi warga kerja MBBJ.
6. Dilarang melayari, memuat naik, memuat turun, menyimpan, bersiaran langsung (live), berkongsi (share), menguruskan atau menganjurkan kandungan yang memaparkan iklan-iklan berkaitan perniagaan, pemasaran di laman sosial rasmi Jabatan, Bahagian dan Unit MBBJ tanpa arahan atau mendapat kebenaran dari MBBJ melalui Datuk Bandar.
7. Dilarang memuat naik, bersiaran langsung (live), berkongsi (share) kandungan yang memaparkan pakaian seragam / berpakaian seragam berlogo MBBJ di laman media sosial peribadi warga kerja MBBJ tanpa kebenaran Datuk Bandar.

<b>POLISI</b>	
<b>POLISI ETIKA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU</b>	
<b>Pindaan : 2</b>	<b>Muka surat : 6 of 14</b>

8. Dilarang memuat naik, bersiaran langsung (live), berkongsi (share) kandungan yang memaparkan / mempamerkan rakaman video / gambar dengan berkelakuan yang tidak senonoh, tidak sopan serta berunsur negatif di laman media sosial rasmi MBBJ ataupun di laman media sosial peribadi warga kerja MBBJ.
9. Dilarang memuat naik, bersiaran langsung (live), berkongsi (share) sebarang pernyataan awam mengenai organisasi MBBJ tanpa kebenaran Ketua Jabatan di laman media sosial rasmi MBBJ ataupun di laman media sosial peribadi warga kerja MBBJ.
10. Dilarang memuat naik, bersiaran langsung (live), berkongsi (share) pernyataan berkenaan isu-isu yang boleh menjejaskan imej MBBJ dan dasar kerajaan di laman media sosial rasmi MBBJ ataupun di laman media sosial peribadi warga kerja MBBJ.
11. Dilarang memuat naik, bersiaran langsung (live), berkongsi (share) pernyataan memprovokasi sesuatu yang menyalahi peraturan MBBJ dan undang-undang kerajaan di laman media sosial rasmi MBBJ ataupun di laman media sosial peribadi warga kerja MBBJ.
12. Dilarang memuat naik, bersiaran langsung (live), berkongsi (share) perkara yang menyentuh sensitiviti individu atau kumpulan tertentu di mana-mana laman media sosial, di laman media sosial rasmi MBBJ ataupun di laman media sosial peribadi warga kerja MBBJ.



<b>POLISI</b>	
<b>POLISI ETIKA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU</b>	
<b>Pindaan : 2</b>	<b>Muka surat : 7 of 14</b>

13. Dilarang memuat naik, bersiaran langsung (live), berkongsi (share) kandungan yang memaparkan / mempamerkan rakaman video / gambar di tempat bertugas warga kerja MBBJ pada waktu bertugas ataupun di luar waktu bertugas di laman media sosial peribadi warga kerja MBBJ.
14. Dilarang menjalankan perniagaan, memasarkan produk perniagaan atau melakukan sesuatu bagi tujuan mendapat keuntungan samada secara langsung atau tidak pada waktu bertugas atau diluar waktu bertugas, menggunakan media sosial peribadi tanpa mendapat kebenaran bertulis Datuk Bandar terlebih dahulu.
15. Dilarang melayari, memuat naik, memuat turun, melanggan, menguruskan atau menganjurkan kandungan di mana-mana media sosial atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti berkaitan samada secara langsung atau tidak, bagi tujuan maksud persundalan.

#### **D. PANDUAN**

##### **a) Benar dan tepat**

- 1.1. Maklumat / fakta yang hendak disebarikan perlu ditentukan ketepatan dan kesahihannya.

##### **b) Muat Naik Bahan Kandungan**

- 2.1 Bahan kandungan rasmi yang hendak dimuat naik didalam laman media sosial rasmi MBBJ hendaklah disemak oleh Unit Korporat

dan Perhubungan Awam MBBJ serta mendapat kebenaran daripada Ketua Jabatan.

- 2.2. Elakkan mengumumkan sesuatu maklumat / pengumuman / berita / fakta yang belum dipaparkan dalam laman web rasmi dan Facebook MBBJ. Pastikan semak maklumat / pengumuman / berita / fakta terlebih dahulu dengan Unit Korporat dan Perhubungan Awam MBBJ sekiranya terdapat sebarang keraguan terhadap maklumat yang diperoleh.
- 2.3. Elakkan daripada memuat naik, bersiaran langsung (live), berkongsi (share) kandungan yang memaparkan / mempamerkan rakaman video / gambar yang menjolok mata untuk tatapan umum di media sosial peribadi warga kerja MBBJ.

**c) Memelihara Dan Melindungi Reputasi MBBJ**

- 3.1 Perhatian perlu diberi ke atas setiap komen / pernyataan / maklumat yang dikongsi (share) di media sosial bagi menjaga imej MBBJ dan rahsia kerajaan.
- 3.2 Sentiasa bersikap profesional dalam penggunaan ayat pada setiap komen atau hebahan yang ingin dimuat naik. Tangani kritikan dan tanggapan buruk dari pihak luar dengan berhemah serta hormat kepada semua pihak.

<b>POLISI</b>	
<b>POLISI ETIKA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU</b>	
<b>Pindaan : 2</b>	<b>Muka surat : 9 of 14</b>

3.3. Sentiasa mesra dalam memberi respons dalam membalas komen-komen bagi memberikan gambaran positif dan profesionalisme dalam perkhimatan awam.

**d) Peraturan Dan Polisi Media Sosial**

4.1. Sentiasa memahami dan mematuhi peraturan dan polisi yang dikeluarkan oleh setiap aplikasi laman media sosial (contoh : Facebook Privacy Policy, Instagram Privacy Policy, Youtube Privacy Policy Centre, TikTok Community Guidelines dan lain-lain).

**E. TANGGUNGJAWAB WARGA KERJA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

Sepanjang menggunakan media sosial sama ada untuk tujuan rasmi atau peribadi, semua warga kerja MBBJ perlu mengikuti etika penggunaan media sosial seperti yang berikut :

1. Semua warga kerja MBBJ adalah terikat dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Perintah-Perintah Am Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan Johor (Kelakuan dan Tatatertib) 1988.
2. Semua warga kerja MBBJ adalah tertakluk pada prinsip penggunaan media sosial yang sama bagi semua prinsip media sosial yang digariskan penggunaannya samada ada dalam urusan rasmi ataupun

<b>POLISI</b>	
<b>POLISI ETIKA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU</b>	
<b>Pindaan : 2</b>	<b>Muka surat : 10 of 14</b>

urusan peribadi dalam memuat naik sebarang pengucapan awam ataupun penulisan secara rasmi atau tidak.

3. Semua warga kerja MBBJ adalah dilarang menggunakan media sosial untuk tujuan peribadi semasa waktu pejabat samaada menerusi peralatan komputer atau alat mudah alih yang dibekalkan oleh pejabat ataupun melalui peralatan peribadi.
4. Semua warga kerja MBBJ adalah dilarang memuat naik / mendedahkan sebarang maklumat rasmi MBBJ menggunakan media sosial peribadi samaada di dalam atau diluar waktu pejabat.
5. Semua warga kerja MBBJ yang ingin memuat naik kandungan (content) / pernyataan / status / maklumat haruslah :
  - i. Lengkap dan jelas pernyataannya ;
  - ii. Tidak menjejaskan imej kerajaan ;
  - iii. Tidak mengandungi maklumat rahsia dan isu-isu sensitif seperti agama, politik, perkauman, Institusi Raja-Raja atau yang boleh menyentuh sensitiviti umum di Malaysia ;
  - iv. Tidak mengandungi unsur lucah ;
  - v. Tidak memakai pakaian yang menjolok mata ;
  - vi. Tidak mengandungi unsur fitnah, hasutan dan menyalahi undang-undang ;
  - vii. Tidak berniat mengaibkan individu atau kumpulan tertentu ;

<b>POLISI</b>	
<b>POLISI ETIKA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU</b>	
<b>Pindaan : 2</b>	<b>Muka surat : 11 of 14</b>

- viii. Tidak menyalahgunakan kemudahan media sosial sehingga mengganggu kualiti masa bekerja ;
- ix. Tidak menyentuh atau memberi pandangan berkenaan polisi atau kepentingan kerajaan atau MBBJ kecuali dibenarkan oleh Datuk Bandar
- x. Tidak mencemarkan atau menjatuhkan imej serta kredibiliti MBBJ ; dan
- xi. Tidak menghasilkan rakaman video atau gambar yang tidak senonoh, jelik serta berunsur negatif seperti menari, menyanyi serta perkongsian hal-hal peribadi yang dirakam ketika berpakaian seragam berlogo MBBJ.

#### **F. TANGGUNGJAWAB WEBMASTER DAN UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM MBBJ**

Setiap pengurus atau pasukan pengendali laman media sosial MBBJ haruslah memastikan :

1. Menyemak dan mengemaskini kandungan media sosial rasmi MBBJ mengikut keperluan semasa.
2. Mengesahkan kesahihan maklumat yang akan dimuat naik di laman media sosial rasmi MBBJ dan mendapatkan kebenaran daripada

<b>POLISI</b>	
<b>POLISI ETIKA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU</b>	
<b>Pindaan : 2</b>	<b>Muka surat : 12 of 14</b>

Datuk Bandar sebelum memuat naik kandungan (content) / pernyataan / status / maklumat.

3. Menyemak dan memilih foto dan video yang sesuai untuk dimuat naik.

Kriteria yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut :

- i. Foto dan video haruslah berkaitan dengan pelaksanaan program atau acara rasmi MBBJ ;
- ii. Foto dan video yang dimuat naik mesti disertakan penerangan (caption) yang mengandungi nama program / acara, tarikh, masa dan tetamu yang menghadirinya ;
- iii. Foto dan video tersebut boleh meningkatkan imej dan nama baik MBBJ ;
- iv. Foto dan video yang boleh menggalakkan perbincangan serta percambahan idea yang kreatif dan inovatif ;
- v. Foto dan video yang dapat mempromosikan inisiatif MBBJ ;
- vi. Foto dan video yang dimuat naik hendaklah jelas dan berkualiti ;
- vii. Elakkan memuat naik foto dan video yang tidak sesuai dan tidak berkaitan dengan program atau acara rasmi MBBJ ;
  - a) Contoh : Program ceramah tetapi foto yang dimuat naik menunjukkan pegawai yang sedang menikmati jamuan.
- viii. Elakkan memuat naik foto dan video yang boleh menjejaskan imej MBBJ ;

- a) Contoh : Foto pegawai dengan mata terpejam, menggaru atau sedang menguap, perlakuan tidak sopan (sedang memegang hidung, pandangan yang diambil dari sudut belakang) dan situasi yang boleh disalah anggap (menuding jari, bersalaman tetapi kurang mesra, muka VIP yang sedang tunduk ke bawah, gambar meja makan dengan sisa makanan).
- ix. Memberi maklum balas kepada pernyataan dengan serta merta setelah menerima maklumat berkaitan ;
- x. Menggunakan ayat yang lengkap dan jelas maksudnya ;
- xi. Menggalakkan dan mempromosikan penggunaan media sosial dan kemudahan perkhidmatan MBBJ secara atas talian (online) ;
- xii. Menapis komen, pertanyaan atau maklumat daripada pengguna ; dan
- xiii. Menghapuskan pautan iklan atau perkhidmatan komersil yang ditawarkan oleh pihak luar atau lain-lain pautan yang tidak berkaitan.

## **G. TARIKH KUATKUASA**

Garis panduan ini akan berkuat kuasa serta merta pada tarikh 1 Januari 2023 dan haruslah dipatuhi oleh semua warga kerja MBBJ.

<b>POLISI</b>	
<b>POLISI ETIKA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU</b>	
<b>Pindaan : 2</b>	<b>Muka surat : 14 of 14</b>

## **H. PENUTUP**

Semua warga kerja MBBJ adalah diunjurkan untuk mematuhi Polisi Etika Penggunaan Media Sosial Majlis Bandaraya Johor Bahru apabila berkongsi maklumat / pengumuman / berita / fakta / foto / video didalam laman media sosial yang bersifat lebih terbuka kepada masyarakat umum bagi mempamerkan imej profesionalisme MBBJ kepada masyarakat. Pengendalian media sosial secara profesional dan berhemah adalah penting dalam perkongsian dan penyebaran maklumat bagi melahirkan perhubungan yang harmoni antara MBBJ dan masyarakat. Selain itu, dengan mengikuti garis panduan ini, diharapkan agar dapat menepis tanggapan negatif penjawat awam didalam masyarakat.

## **I. RUJUKAN**

### **RUJUKAN POLISI ETIKA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

1. - Perintah-Perintah Am Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan  
Johor (Kelakuan dan Tatatertib) 1988
2. - Kanun Keseksaan (Akta 574)  
Seksyen 372A & Seksyen 372B